

Naza TTDI fokus pembangunan bersepadu

→ Projek ikonik penuhi keperluan masyarakat, pacu nilai hartanah

Oleh Nurhayati Abllah
nurhayatiabllah@bh.com.my

Landskap hartanah pada masa ini menjadi lebih progresif dan dinamik berbanding dahulu. Pelbagai faktor yang mempengaruhi situasi itu seperti

perubahan minat pelaburan, pembelian lebih spesifik, peningkatan kos kehidupan serta penggunaan teknologi dan inovasi baharu.

Kebanyakan pembeli mempunyai keperluan berbeza dan mahukan hartanah yang mampu memenuhi gaya hidup masing-masing, selari dengan peredaran masa.

Bagi pelabur hartanah pula, mereka sentiasa mencari pelaburan hartanah yang mampu memberi pulangan lumayan kepada mereka.

Dalam keadaan ini, ia akan merangkumi pelbagai aspek termasuk pemilihan di lokasi utama, populasi setempat dan infrastruktur yang disediakan. **→ Lihat Ms.32**

Projek TOD penanda aras kehidupan masa hadapan

← Dari Ms.31

Bagi memenuhi setiap keperluan dan 'keinginan' itu, Naza TTDI Sdn Bhd (Naza TTDI), pemaju hartanah tempatan yang sebelum ini menumpukan kepada pembinaan perbandaran tradisional, kini lebih memfokuskan kepada pembangunan bersepadu, bandar mikro (microcity) serta pembangunan berasaskan transit (TOD).

Malah, menurut Laporan Tinjauan Hartanah PropertyGuru 2017, kemunculan projek TOD dijangka menjadi penanda aras bagi pembangunan hartanah bersepadu pada masa depan di negara ini.

Pengarah Eksekutif dan Ketua Pegawai Operasi Naza TTDI, Idzham Mohd Hashim berkata, Naza TTDI sebelum ini pernah dikenali melalui pembangunan bandar, Taman Tun Dr Ismail iaitu sebuah perbandaran tersohor di Lembah Klang, malah di Malaysia amnya.

Transformasi untuk rakyat

"Namun jika diperhatikan, pada masa ini tidak banyak lot tanah kosong dalam pasaran untuk digunakan bagi pembangunan di kawasan tumpuan seperti Lembah Klang.

"Justeru, sebagai antara peserta utama dalam sektor hartanah tempatan kami sentiasa melakukan transformasi bagi memenuhi keperluan masyarakat hari ini.

"Bagi merealisasikan matlamat itu, pembangunan ikonik, contohnya KL Metropolis adalah terbaik yang dibangunkan oleh Naza TTDI," katanya.

Katanya, pihaknya berhasrat menjadikan KL Metropolis sebagai penanda aras bagi kehidupan

pada masa hadapan dan memastikan pembangunan bersepadu itu memenuhi jangkaan pembeli generasi baharu.

"Dalam penjenamaan semula syarikat, kami sudah menetapkan matlamat untuk muncul sebagai pemaju bagi pembangunan bandar mikro.

"Melangkah ke hadapan, kami meletakkan sasaran daripada pemaju perbandaran kepada pembangunan bersepadu berimpak tinggi," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, Naza TTDI juga berperanan memastikan KL Metropolis terus berkemampuan menarik lebih banyak pelaburan berimpak tinggi dari luar negara.

"Kami perlu menyediakan satu infrastruktur yang mampu menampung permintaan itu.

"Lebih-lebih lagi Malaysia yang terletak di lokasi paling strategik di Asia Tenggara dan kami perlu sentiasa berusaha ke arah itu," katanya.



kami meletakkan sasaran daripada pemaju perbandaran kepada pembangunan bersepadu berimpak tinggi"

Idzham Mohd Hashim,
Pengarah Eksekutif dan Ketua Pegawai Operasi Naza TTDI